



88132289



MALAY B – STANDARD LEVEL – PAPER 1
MALAIS B – NIVEAU MOYEN – ÉPREUVE 1
MALAYO B – NIVEL MEDIO – PRUEBA 1

Tuesday 12 November 2013 (afternoon)
Mardi 12 novembre 2013 (après-midi)
Martes 12 de noviembre de 2013 (tarde)

1 h 30 m

TEXT BOOKLET – INSTRUCTIONS TO CANDIDATES

- Do not open this booklet until instructed to do so.
- This booklet contains all of the texts required for paper 1.
- Answer the questions in the question and answer booklet provided.

LIVRET DE TEXTES – INSTRUCTIONS DESTINÉES AUX CANDIDATS

- N'ouvrez pas ce livret avant d'y être autorisé(e).
- Ce livret contient tous les textes nécessaires à l'épreuve 1.
- Répondez à toutes les questions dans le livret de questions et réponses fourni.

CUADERNO DE TEXTOS – INSTRUCCIONES PARA LOS ALUMNOS

- No abra este cuaderno hasta que se lo autoricen.
- Este cuaderno contiene todos los textos para la prueba 1.
- Conteste todas las preguntas en el cuaderno de preguntas y respuestas.

TEKS A

Kem Kesedaran Alam Sekitar

- ① Hutan Bandar, 17 Februari. Terbayang di ruang fikiran kami keseronokan yang kami lalui. Pengalaman mengikuti Kem Kesedaran Alam Sekitar merupakan satu pengalaman yang cukup manis di sepanjang alam persekolahan. Walaupun Hutan Bandar merupakan tempat yang biasa kami singgahi pada hujung minggu, menyertai kem di situ memberikan kami satu pengalaman baharu.
- ② Peserta yang mengikuti kem ini ialah 36 orang pelajar Tingkatan 4 dan 5 dan dua orang guru penasihat. Kem dua hari ini bertujuan untuk memberikan kesedaran kepada para pelajar untuk memelihara alam sekitar.
- ③ Pada hari pertama, kami berhimpun di depan pintu masuk pejabat Hutan Bandar jam 9 pagi untuk pendaftaran. Sejam sebelum ini jawatankuasa penganjur berkumpul lebih awal untuk bersiap sedia bagi urusan pendaftaran dan hiasan dewan. Lebih kurang jam 9.30 pagi, tiga orang kaunselor sebagai pembimbing tiba dan berkumpul bersama kami. Kami terlebih dahulu diberikan penerangan tentang keselamatan di sepanjang kem ini. Kami juga menjalani sesi kenal suai dan dibahagikan kepada beberapa kumpulan yang diberi nama binatang seperti Kumpulan Harimau, Orang Utan, Katak dan Helang – nama yang sesuai dengan keadaan sekitar perkhemahan itu.
- ④ Pada jam 11, kami mengikuti aktiviti Kita dan Alam Sekitar dan Kitar Semula Kertas. Kami diberi penerangan tentang hutan dan kepentingan menjaganya. Kemudian, kami juga diberi tunjuk ajar bagaimana mengitar semula surat khabar. Kami menggunakan bahan ini untuk menghasilkan kraf tangan yang dapat digunakan sebagai hadiah kepada orang tersayang. Jam 12.30 petang kami berehat dan makan tengah hari di chalet yang disediakan di situ.
- ⑤ Selepas berehat pada jam 2.30 petang, kami menjalani aktiviti Ekologi Hutan yang mendedahkan kami kepada tumbuh-tumbuhan dan binatang di situ. Kami ditugaskan untuk mengenali dengan lebih dekat kaitan antara binatang dengan tumbuh-tumbuhan. Selepas mengumpulkan maklumat, kami menyampaikan hasil tugas masing-masing pada petang hari.



- ⑥ Pada jam 5 petang, kami menjalani aktiviti Pengembaraan si Buta. Kami meredah hutan seperti orang buta. Di sepanjang perjalanan, ada antara kami yang tercium pokok dan tersangkut di celah-celahnya. Tanpa di sangka-sangka, kami mengakhiri perjalanan itu di dalam lumpur. Hal ini bertujuan untuk mendekatkan kami dengan alam sekitar. Hari pertama ini diakhiri dengan pertunjukan slaid tentang isu-isu yang berkaitan dengan pencemaran alam sekitar.

Diubah suai daripada *Kem Kesedaran Alam Sekitar* oleh Loh Siew Hui, Dewan Siswa (2001)

TEKS B

Ulasan novel 1515




- 5
- 10
- 15
- 20
- 25
- 30
- 1 Malam semalam saya baru sahaja selesai membaca buku karya Faisal Tehrani. Karya ini sebenarnya sudah sejak tahun 2003 di pasaran. Namun, sebuah karya yang baik tidak pernah lekang ditelan masa dan mudah dilupakan.
 - 2 Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada penulisnya, Faisal Tehrani atas penghasilan buku ini. Usaha demikian memerlukan kajian yang mendalam khususnya mengenai sejarah Kesultanan Melayu Melaka dan pemerintahan Portugis. Dalam novel ini, pembaca diperkenalkan dengan watak Dr. Adi Fimiyun, seorang sejarawan yang ingin menukar sejarah Melaka yang tewas di tangan Portugis pada tahun 1511.
 - 3 Penulis mengubah sejarah tersebut dengan kemenangan Kerajaan Melaka. Hal ini diceritakan melalui kegagalan tentera Portugis pimpinan Albuquerque menewaskan tentera Melaka pimpinan bersama panglima Melaka dan pahlawan wanita yang memiliki kuasa sakti dan seni mempertahankan diri, bernama Tun Nyemah Mulya. Seterusnya, kemenangan ini membina semangat mereka untuk menjajah bumi Portugis dengan 100 buah bahtera perang berisi 60,000 bala tentera dari Nusantara seperti Aceh, Jawa, Palembang dan Siak, dan 20 buah kapal Turki. Mereka berjaya menakluki kerajaan Portugal.
 - 4 Dalam karya ini, penulis mencipta dua watak Nyemah Mulya, seorang wujud pada zaman Kesultanan Melayu Melaka dan seorang lagi wujud pada masa kini. Pada mulanya, pembaca berasa keliru kerana memikirkan sama ada dua watak ini saling berkait rapat. Namun, setelah membaca secara lebih lanjut, pembaca akan memahaminya bahawa antara mereka hanya mempunyai nama yang sama, tiada hubungan langsung. Di samping itu, penulis turut menyelitkan perasaan cinta tiga segi antara Adi, Frida dan Maude.
 - 5 Saya berpendapat bahawa buku ini amat bermutu dan baik untuk dibaca. Dengan bahasa yang indah dan penggunaan peribahasa yang menarik, buku ini harus menjadi koleksi pembaca. Buku ini banyak mengandungi kisah sejarah yang perlu kita ambil tahu. Saya juga mengharapkan agar kisah ini dapat difilemkan. Saya pasti filem ini bakal mendapat sambutan dan dengan teknologi yang sedia ada, mungkin dapat menandingi filem Troy, Alexander dan seumpamanya.
 - 6 Oleh sebab mutu hasil karyanya, novel ini telah memenangi anugerah novel remaja untuk Hadiah Sastera tahun 2002 oleh Kumpulan Utusan, Utusan Melayu.

Diubah suai daripada *Ulasan novel 1515* oleh Mesejabdul dalam Cerita Secangkir Kopi, <http://mesejabdul.wordpress.com> (2008)

TEKS C

Pupusnya Seni Menulis Surat



- 1 Sewaktu saya belajar di universiti pada tahun 70-an, saya sering menulis surat kepada ayah. Surat itu akan ditulis di atas kertas tulis berwarna-warni. Saya akan memulakannya dengan cara ini: “Adapun pada masa anakanda menulis surat ini, anakanda berada dalam keadaan sihat dan sejahtera dan diharapkan agar ayahanda dan bonda serta keluarga berlebih-lebih lagi hendaknya.”
- 2 Tujuan saya menulis surat itu semata-mata untuk memberitahu bahawa saya tidak dapat pulang ke kampung sewaktu cuti penggal universiti. Ayah saya buta huruf. Surat dalam tulisan jawi itu akan dibacakan kepada beliau. Sekarang, bagi generasi hari ini, surat seumpama itu terasa janggal dan pelik. Bahasa yang digunakan terlalu formal, seperti bahasa istana.
- 3 Itu adab menulis surat dan budaya berbahasa kepada orang tua. Pada zaman sebelum wujudnya media komunikasi seperti sistem pesanan ringkas (SMS), emel, Facebook dan Twitter, itulah cara perhubungan antara manusia yang biasa dilakukan. Apa yang penting ialah wujud peraturan yang tertentu dalam melakukannya. Hal ini tidak boleh dilakukan sesuka hati kerana apa yang ditulis melambangkan akhlak dan peribadi penulis.
- 4 Dalam budaya Melayu, seni menulis surat cukup dihargai. Sejak sekian lama, seni tersebut menjadi sebahagian daripada tradisi orang Melayu. Raja-raja Melayu, ketua masyarakat, sasterawan dan seniman hingga rakyat biasa berkomunikasi dengan cara itu. Surat yang diterima akan diteliti dan kemudiannya disimpan sebagai khazanah berharga. Surat-surat itu menjadi rekod yang sangat bermakna.
- 5 Dunia telah diubah oleh teknologi komunikasi dan maklumat. Sewaktu saya [- X -] universiti, rumah saya tidak [- 24 -] telefon. Hari ini, manusia tidak dapat hidup tanpa telefon [- 25 -] dan SMS bukan sahaja cepat dan ringkas, tetapi juga canggih dan menarik. Anak saya di [- 26 -] negara hanya perlu menulis, “Ayah, tolong [- 27 -] wang,” tanpa perlu menulis pembuka kata yang pernah saya lakukan. Cara formal saya menulis surat tidak lagi relevan.
- 6 Mesej yang dihantar melalui teknologi komunikasi ini penuh singkatan, nombor dan gambar. Bentuk komunikasi ini kini terbawa-bawa ke dalam bahasa formal. Para guru mengadu pelajar di sekolah menulis karangan dan membina ayat dalam bahasa bukan formal yang biasa digunakan dalam berkomunikasi melalui alat komunikasi teknologi ini.

Diubah suai daripada *Pupusnya Seni Menulis Surat* oleh Johan Jaffar, Berita Harian (2012)

TEKS D

Murid Cerdik, Guru Hebat

- ❶ Apabila membaca buku Sejarah Melayu, kita pasti akan bertemu dengan kisah sejarah Hang Tuah lima bersaudara. Kemasyhuran mereka lima bersaudara sering dikaitkan dengan guru mereka yang bernama Aria Putera dari Bukit Panchalusa.
- ❷ Selepas Hang Tuah lima bersaudara tamat belajar ilmu silat, mereka pulang ke kampung halaman. Mereka berjaya mengalahkan lanun-lanun dan orang yang mengamuk di pasar. Akhirnya, mereka dilantik oleh raja menjadi pembesar istana. Sejak itu, kelima-limanya menjadi orang besar sehingga sampai kepada peristiwa sedih yang berlaku, iaitu kisah Hang Tuah membunuh Hang Jebat, sahabat yang paling dikasihinya.
- ❸ Itulah Sejarah Melayu yang masyhur. Sejarah itu ditulis ketika negeri Melaka terkenal di seluruh dunia kira-kira 500 tahun dahulu. Dunia Melayu ketika itu memasyhurkan tokoh-tokoh Melayu dalam dunia persilatan. Nama Hang Tuah lebih terkenal daripada nama para ilmuan lain seperti Tun Perak yang menjadi Perdana Menteri Melaka waktu itu atau Tun Seri Lanang yang dipercayai penulis kitab Sejarah Melayu itu sendiri.
- ❹ Kita tidak pun mengenali para ilmuan Melayu waktu itu yang mahir dalam pelbagai ilmu seperti perubatan dan sebagainya. Bagi menampakkan Hang Tuah lebih luar biasa maka Hang Tuah dikatakan juga seorang yang mahir dalam pelbagai bahasa. Nampaknya, medan persilatan menjadi punca terkenalnya seseorang pada zaman tersebut.
- ❺ Guru-guru silat ketika itu pula mengajar dalam gua ataupun berada di bukit-bukit tertentu. Mereka menjauhi diri daripada masyarakat. Anak murid yang berjaya bertemu dengan guru itu, pulangnyanya akan sering dengan kemasyhuran. Demikian makna keilmuan 500 tahun dahulu.
- ❻ Sekarang, kemasyhuran seseorang sudah tidak lagi ditentukan oleh ilmu mempertahankan diri. Para pelajar yang ingin membina kemasyhuran, tidak perlu lagi mengetahui ilmu persilatan. Sebaliknya mereka perlu tahu ilmu lain seperti teknologi maklumat, matematik dan sains. Guru pula tidak perlu berada di gunung-gunung. Murid-murid tidak perlu mendaki, cukup dengan berkereta atau bermotosikal untuk bertemu dengan mereka.

Diubah suai daripada *Cerita-cerita Motivasi untuk Jiwa*
oleh Prof. Madya Dr. Shukri Ahmad dan Wan Ab. Rahman Khudzri (2004)